

## Semak MyAzZahra mohon pinjaman koperasi

**KUALA LUMPUR 14 Jun** - Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) menyeru orang ramai terutama penjawat awam yang memohon pinjaman peribadi koperasi agar membuat semakan menerusi portal dalam talian MyAzZahra.

Ini berikutan Angkasa menerima banyak pertanyaan dan maklum balas daripada pelbagai pihak susulan laporan akhbar berbahasa Inggeris yang mendedahkan kewujudan salah laku pemalsuan slip gaji, penerimaan wang pembiayaan kurang daripada jumlah permohonan serta rampasan kad pengeluaran wang automatik (ATM) pemohon yang melibatkan sebuah Koperasi Kredit di negara ini.

Pengerusi MyAngkasa

Az Zahra, Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata, pihaknya menzahirkan rasa dukacita di atas kejadian penipuan pinjaman bersindiket yang didedahkan oleh media baru-baru ini.



**ABDUL FATTAH  
ABDULLAH**

“Saya menyeru masyarakat terutama penjawat awam agar lebih berhati-hati di masa akan datang.

“Kami juga menyeru agar inisiatif portal MyAzZahra mendapat sokongan semua pihak yang terlibat agar insiden seumpama ini tidak berulang di masa akan datang,” katanya dalam kenyataan hari ini.

Tambahnya lagi, MyAngkasa Az Zahra dan Angkasa sedang menjalankan usaha integrasi di antara portal MyAzZahra dan sistem-sistem sedia ada di Angkasa bagi memastikan hanya pemohon yang benar-benar layak sahaja dibenarkan untuk memohon pembiayaan serta potongan gaji.

“Kerjasama dan perkongsian maklumat bersama pihak majikan yang terlibat juga dipertingkatkan agar pemalsuan dokumen seperti penyata gaji dan maklumat pekerjaan dapat dicegah,” katanya.